

TEKS PERASMIAN

**YBHG. DATO' HJ ABDUL FATTAH HJ
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

SEMPENA

**MESYUARAT AGUNG PIBG KE-28
SMK KELANA JAYA**

PADA

**18 FEBRUARI 2017 (SABTU), DEWAN
SMK KELANA JAYA**

Bismillahirrohmanirohim

Assalamualaikum w.b.t, Salam
Sejahtera, Salam Perpaduan,
Salam 1

Koperasi dan Salam 1 Malaysia

Terima Kasih Pengacara Majlis

YBrs. Tn Hj Jamaluddin bin Haron,
Pengetua SMK Kelana Jaya

Yang Dihormati Encik Ahmad
Fazlee bin Aziz, Yang Dipertua PIBG
SMK Kelana Jaya

YBrs. Guru-Guru Penolong Kanan
SMK Kelana Jaya

Yang Dihormati Barisan AJK PIBG
SMK Kelana Jaya

Guru-guru Kanan Mata Pelajaran,
Guru-Guru, Tuan-Tuan dan Puan-

Puan Serta Para Pelajar SMK Kelana Jaya Yang Dikasihi Sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Tuhan

kerana diberi kesempatan kepada kita untuk bersama-sama dalam Mesyuarat Agung PIBG SMK Kelana Jaya Kali ke-28. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak sekolah dan

PIBG yang sudi menjemput saya menjayakan majlis ini.

2. Tidak dilupakan ucapan terima kasih dengan kehadiran para ibu

bapa pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran ibu bapa mencerminkan komitmen dan hubungan silaturahmi yang baik antara ibu bapa dan pihak sekolah. Saya cukup yakin dan percaya,

kehadiran para ibu bapa, khususnya anak-anak pelajar yang berada di hadapan saya ini menunjukkan kesungguhan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada pihak sekolah. Senario ini secara

tidak langsung akan memudahkan pihak PIBG bekerjasama dan membantu melancarkan pelaksanaan segala program dan aktiviti yang telah dirangka pihak sekolah. Harapan saya, semoga

kerjasama yang baik ini akan memberikan dampak yang positif kepada semua warga SMK Kelana Jaya.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

3. Pada hari ini, kita berada di dalam negara yang aman dan makmur serta membangun dengan

pesatnya. Dan nikmat yang kita kecapai pada hari ini, bukannya datang bergolek tanpa usaha dan ikhtiar daripada pelbagai pihak sama ada kita sedar ataupun tidak. Oleh sebab itu, kita harus

mensyukuri dan mengekalkan
kemakmuran dan kejayaan negara
yang dinikmati ini.

4. Dalam dunia mencabar dan penuh persaingan ini, pendidikan merupakan perkara penting yang mampu mengubah taraf hidup kita. Dengan ilmu pengetahuan kita juga mampu meningkatkan

keupayaan ekonomi, politik, sosial dan agama. Kerajaan telah memperuntukkan jumlah yang amat besar dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan. Syukur hari ini, kebanyakan

sekolah-sekolah di Malaysia sangat memuaskan jika dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain, kemudahan pendidikan di sekolah-sekolah kita jauh lebih baik.

5. Dalam hal ini, ibu bapa perlu memainkan peranan penting untuk memastikan anak-anak mendapat ilmu pendidikan yang sempurna. Ibubapa tidak boleh menyerahkan tanggungjawab mendidik anak-

anak 100% kepada pihak sekolah. Perlu kita sedar bahawa masa anak-anak di sekolah hanya 6 jam sehari manakala masa mereka di rumah dan di bawah pengawasan ibu bapa lebih kurang 18 jam. Maka

tidak wajarlah, jika terus menuding jari menyalahkan guru-guru di sekolah jika anak-anak kita tidak berjaya dalam pelajaran. Oleh itu, sebagai ibu bapa hendaklah sentiasa memberi kerjasama

kepada pihak sekolah untuk
kebaikan anak-anak.

6. Menjadi tanggung jawab kita
untuk mempersiapkan generasi

muda dengan pelbagai kemahiran hidup dan ilmu pengetahuan agar anak-anak muda tidak menyimpang daripada cita-cita perjuangan bangsanya sendiri. Kita juga tidak mahu anak bangsa kita,

dikatakan anak bangsa yang tidak tahu mengenang budi dan tidak tahu berterima kasih terhadap jasa baik dan pengorbanan yang diberikan oleh ibu bapa,

masyarakat dan kepemimpinan
negara.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

7. Saya ingin menarik perhatian para pentadbir sekolah, guru-guru, PIBG dan ibu bapa bahawa koperasi platform terbaik untuk membangunkan modal insan yang disegani melalui peluang untuk

para pelajar mempraktikkan ilmu yang mereka pelajari dalam ke latihan praktikal di kedai koperasi. Secara tidak langsung pelajar belajar mengurus, berniaga, berkomunikasi, amanah dan jujur

dalam menjalankan perniagaan.
Tidak ada satu tempat yang dapat
memberi peluang seperti ini
kepada pelajar tetapi koperasi
memberi peluang terbaik untuk

melatih sifat-sifat keusahawanan dan kepemimpinan dalam diri pelajar.

8. Koperasi sekolah di negara kita antara yang terbaik di dunia dan

menjadi contoh kepada negara-negara lain. Ia sangat berharga dan di peringkat global kita berbangga menyatakan, kita satu-satunya negara yang mempunyai model koperasi sekolah yang

terbaik di dunia. Di negara kita, 2,361 sekolah mempunyai koperasi manakala 85 buah sekolah tidak menubuhkan koperasi. Kita mensasarkan semua sekolah menubuhkan koperasi menjelang

2020. Perolehan yang disumbangkan koperasi sekolah sehingga Jun 2016, RM245.2 juta. Pencapaian membanggakan menunjukkan kemampuan koperasi

sekolah setanding koperasi
dewasa.

9. Koperasi sekolah juga
berkeupayaan mendidik pelajar-

pelajar literasi kewangan yang diharapkan dapat melahirkan generasi muda yang berhemah tinggi dalam menguruskan perbelanjaan dan menyimpan. Justeru, saya menyeru pentadbir

sekolah mewujudkan tabungan bagi mengalakkan pelajar-pelajar menyimpan, bukan sahaja bagi tujuan perbelanjaan untuk menyambung pengajian apabila tamat belajar tetapi lebih jauh dari

itu, dapat mengurangi kemuflian dan mengikis sifat-sifat keberhutangan yang tinggi di kalangan generasi muda di masa hadapan.

10. Banyak koperasi sekolah menunjukkan potensi cemerlang dalam perniagaan sehingga perolehan mencecah ratusan ribu dan jutaan ringgit. Ini bermakna koperasi sekolah berkemampuan

berniaga dan menjana perolehan sama seperti koperasi dewasa, walaupun guru-guru dan pelajar-pelajar sibuk dengan urusan pengajaran dan pembelajaran. Kejayaan ini dibuktikan oleh

sekolah-sekolah yang cemerlang dari segi akademik seperti Koperasi MRSM Kubang Pasu Kedah Berhad bagi akaun berakhir Mac 2016 mencatat perolehan RM 1.05 juta. Ini menunjukkan bahawa koperasi

penyokong dan pelengkap
kepada kejayaan sekolah.

11. Koperasi sekolah mempunyai
prospek yang luas untuk berjaya

dalam berniaga, sekiranya bijak memilih peluang-peluang yang sesuai dengan keperluan sekolah, pelajar-pelajar dan guru-guru. Selain pasaran tersedia yang menjadi pemangkin kejayaan itu.

Walaupun koperasi menunjukkan pencapaian yang membanggakan, satu yang saya harapkan prinsip asas kewujudan koperasi sekolah dipatuhi iaitu menjual barang-barang keperluan

berfaedah pelajar pada harga yang lebih murah daripada harga pasaran. Saya menyeru ibu bapa dan seluruh warga sekolah agar memberi sokongan padu kepada pihak sekolah dan PIBG dalam

memajukan perniagaan koperasi sekolah.

12. Mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin merakamkan ribuan

terima kasih kepada semua yang terlibat kerana sudi menjemput saya ke majlis penuh bermakna ini. Semoga kehadiran kita semua akan dapat menjalin ikatan ukwah yang berpanjangan sesama kita

dan jika ada kelapangan dan kesempatan, insya-Allah dapat kita berjumpa lagi.

13. Saya dengan lafaz
Bismilahirrahmanirohim, merasmikan
**Mesyuarat Agung Persatuan Ibu
Bapa dan Guru-Guru SMK Kelana
Ke-28.**

Sekian, Wabillahitaufit Walhidayah
Wassalamualaikum w.b.t.